



BINA PURI HOLDINGS BHD

Since 1975

PRESS RELEASE

Utusan Online, 3rd December 2008

Bina Puri dapat kontrak RM161j

KUALA LUMPUR 3 Dis. - Bina Puri Holdings Bhd. telah memperoleh kontrak bernilai RM161.60 juta bagi projek milik Universiti Malaysia Sabah di Kota Kinabalu.

Dalam satu kenyataan, Bina Puri berkata kerja pembinaan dijangka selesai dalam tempoh 30 bulan.

Kumpulan itu berkata, satu perjanjian telah dimeterai antara anak syarikat milik penuh, Bina Puri Construction Sdn. Bhd. dan Variasi Baru Sdn. Bhd. untuk melaksanakan pembinaan projek berkenaan.

Projek itu melibatkan pembinaan bangunan kajian lepasan ijazah, bangunan perkhidmatan akademi, dua dewan syarahan, sebuah auditorium, kafetaria dan bangunan kemudahan yang lain.

Ia turut melibatkan kerja-kerja luar yang terdiri daripada sistem saliran, kerja jalan dan tempat letak kereta, bekalan air luar, pelupusan sisa, landskap dan turapan, perkhidmatan mekanikal dan elektrik dan kerja-kerja khusus.

Menurut Bina Puri, projek itu akan mengukuhkan tapaknya di Malaysia Timur, terutamanya di Sabah.

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor
Corp Communications Dept
BINA PURI HOLDINGS BHD
Tel : 03-6136 3333 (3005)
Fax : 03-6136 9999
E-mail : surati@binapuri.com.my